

ABSTRAK

Tajuk penulisan ini ialah " Perancang Keluarga Menurut Perspektif Islam Dan Realiti Masyarakat Kini - Satu Kajian Di Felda Soeharto, Hulu Selangor ". Penulisan ilmiah ini telah dibahagikan kepada lima bab dan setiap bab dipecahkan pula kepada beberapa tajuk bagi memudahkan pembaca memahami kajian ini secara keseluruhan.

Bab pertama adalah mengenai muqaddimah kepada masalah yang dibahas, pengertian tajuk, latar belakang tempat kajian, tujuan kajian, methodologi kajian dan juga masalah kajian.

Bab kedua membicarakan tentang definasi umum perancang keluarga serta latar belakang sejarah dan perkembangannya secara global, bermula dari zaman pra-modern sampailah kepada zaman moden ini. Tidak ketinggalan, bab ini juga menyentuh tentang asal-usul dan perkembangan aktiviti perancang keluarga di negara kita Malaysia.

Bab ketiga membincangkan tentang institusi perkahwinan yang mana secara langsung menjadi punca timbulnya usaha untuk merancang keluarga, nas-nas berkaitan yang menjadi sumber rujukan kepada masalah perancang keluarga dan pendapat-pendapat para fuqaha, juga alim-ulama tentang perancang keluarga. Di samping itu, bab ini juga mem-

bincangkan tentang beberapa teknik atau kaedah perancang keluarga serta beberapa garis panduan yang dijadikan kayu ukur bagi menimbang sejauh mana kesahihan sesuatu tindakan merancang keluarga itu menurut perspektif Islam.

Bab keempat membentangkan data dan analisa tinjauan yang telah penulis lakukan iaitu sejauh mana kefahaman dan pengamalan masyarakat Islam terhadap perancang keluarga menurut perspektif Islam.

Bab kelima merupakan penutup kepada kajian penulis. Di dalam bab ini penulis merumuskan beberapa noktah penting yang terkandung di dalam bab-bab sebelumnya. Di dalam bab ini juga penulis cuba mengemukakan beberapa saranan yang dirasakan boleh memberi sedikit-sebanyak sumbangan ke arah memperbaiki keadaan yang wujud di dalam masyarakat berhubung perancangan keluarga.